

Penanda Wacana Dalam Teks Pelan Pembangunan Negara

Nor Hazila Mat Lazim
Idris Aman

Program Linguistik
Pusat Penyelidikan dan Kelestarian Sains Bahasa
Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Harishon Radzi (naslin@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan unsur penanda wacana dan menjelaskan kerasionalan penggunaan penanda wacana dalam menjamin kelancaran maklumat atau gagasan utama yang terkandung dalam teks pelan pembangunan negara. Untuk itu, teks Rancangan Malaysia Kesebelas yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia keenam dimanfaatkan sebagai data kajian dan kerangka teori Nahu Fungsian Sistemik diterapkan. Dapatan hasil menunjukkan bahawa penanda wacana penambahan mendominasi teks pelan pembangunan negara. Penggunaannya merupakan satu wasilah bagi menambah maklumat-maklumat baru atau gagasan penting negara. Seterusnya, penanda wacana adverbial tujuan pula mencatatkan penggunaan kedua tertinggi. Ini jelas menggambarkan bahawa teks ini mengandungi banyak tujuan atau objektif penting yang akan dilaksanakan dalam usaha mencapai status negara maju. Manakala, penanda wacana adverbial manfaat mencatatkan kekerapan ketiga tertinggi dan membuktikan bahawa dasar-dasar pelaksanaan yang terkandung dalam pelan pembangunan negara akan memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat. Gelagat penanda wacana yang rencam dan bervariasi dalam teks pelan pembangunan negara menonjolkan fitrah teks tersebut yang bersifat ekspositori. Teks ini bukan sahaja menerangkan secara terperinci mengenai 'apa', 'untuk siapa', 'bila', 'bagaimana', bahkan menjelaskan sebab, akibat, faktor serta kesan mengenai sesuatu perkara, keadaan, peristiwa yang dianggap berkepentingan kepada negara.

Kata kunci: Penanda wacana; teks pelan pembangunan negara; nahu fungsian sistemik; ekspositori

ABSTRACT

This study aims to describe elements of discourse markers and explain the rationality of discourse markers in ensuring the smoothness of information or the main ideas contained in the national development text. Therefore, text of Eleventh Malaysia Plan (RMK-11) which was delivered by the sixth Prime Minister of Malaysia is used as research data and Systemic Functional Grammar is applied. The findings showed that additive discourse markers dominate the frequency of use in national development plan and its use is a means to add information or ideas of national importance. Next, adverbial objective discourse markers recorded the second highest frequency. This clearly illustrates that the text of national development plan contains a lot of important goals or objectives to be implemented in achieving developed nation status. Following that, adverbial benefit discourse markers recorded the third highest frequency and this result clearly proves that the policies contained in the text of national development plan would benefit the whole Malaysian society. The behavior of the composite and variation of discourse markers in the national development plan highlights the nature of the text that is expository. This text not only describes in detail the 'what', 'who', 'when', 'how', even explaining the reasons, consequences, and the impact factor of a matter, situation, events that are considered of interest to the state.

Keywords: Discourse markers; national development text; systemic functional grammar; expository

1. Pendahuluan

Apabila manusia bercakap atau menulis, mereka menghasilkan teks dan teks adalah sesuatu yang pendengar atau pembaca guna untuk mengolahnya (Halliday & Matthiessen 2014). Mengikut Halliday & Hasan (1976) teks merujuk kepada "...any passage, spoken or written, of whatever length, that does form a unified whole" dan disifatkan sebagai unit semantik. Istilah 'semantik' bukan sahaja merujuk kepada makna harfiah perkataan tetapi meliputi seluruh sistem makna sesuatu bahasa yang diekspresikan oleh nahu dan juga perbendaharaan kata (Halliday 1985).

Suatu teks mempunyai ciri-ciri linguistik tertentu di dalamnya yang boleh dikenal pasti sebagai penyumbang kepada pembentukan idea atau makna keseluruhannya. Dengan kata lain, yang dikatakan teks atau wacana itu ialah sesuatu yang mempunyai 'tekstur'. Konsep tekstur tersebut adalah berkenaan ciri-ciri yang perlu ada untuk sesuatu itu layak dipanggil teks atau wacana dan membezakannya dengan yang bukan teks atau wacana (Halliday & Hasan 1976). Mengikut Idris (2014) 'tekstur' boleh disamakan dengan 'anyaman' atau 'tenunan' dalam Bahasa Melayu.

Pendapat yang sama juga diberikan oleh Yule (1985) mengatakan bahawa suatu wacana itu harus terdiri daripada struktur linguistik tertentu agar asas binaannya benar-benar mempunyai pertautan dan kepaduan yang nyata bagi menyatakan sesuatu yang bermakna. Tambahnya lagi;

"...we know texts must have a certain structure which depends on factors quite different from those required in the structure of a single sentence. Some of those factors are described in terms of cohesion, or the ties and connections which exist within texts..."
(Yule 1985:105)

Justeru, unsur tautan yang diperkatakan boleh dijelaskan melalui teori tetenunan yang mula diperkenalkan oleh Halliday & Hasan (1976). Teori tersebut menjelaskan bagaimana pendengar atau pembaca memahami perkaitan antara beberapa bahagian dalam ujaran atau teks. Tetenunan berperanan mewujudkan ketekstualan kepada teks dan bagi melayakkannya diiktiraf sebagai wacana. Namun begitu, tetenunan bukanlah satu-satunya syarat untuk menghasilkan sesebuah wacana kerana terdapat juga syarat-syarat lain seperti berkesinambungan (*coherence*), berketujuan (*intentionality*), berketerimaan (*acceptability*), bermaklumat (*informativeness*), bersituasi (*situationality*), berintertekstualiti (*intertextuality*) dan berkepaduan (*adequacy*) (Idris 2014: 36; Nik Safiah, Farid, Hashim & Abdul Hamid 2012: 524). Akan tetapi, kewujudan tetenunan dan kesinambungan penting dan merupakan asas dalam teks bertaraf wacana jika dibandingkan dengan syarat- syarat lain kerana ia menghasilkan kesinambungan di antara satu segmen dengan segmen yang lain dalam wacana. Halliday dan Hassan (1976:299) menyatakan:

"Cohesion expresses the continuity that exists between one part of the text and another. It is important to stress that continuity is not the whole texture...the continuity adds a further element that must be present in order for the discourse to come to life as text".

Halliday & Hasan (1976) mendakwa bahawa tetenunan diperlihatkan sebahagiannya melalui 'alatan nahuan' (*grammatical device*) dan sebahagian lagi adalah melalui 'alatan leksikal' (*vocabulary device*). Tetenunan nahuan berfungsi menghubungkan unsur linguistik gramatikal dengan unsur linguistik gramatikal lain antara ayat untuk memperlihatkan kesatuannya yang bermakna. Berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Halliday & Hasan (1976), tetenunan nahuan dibahagikan kepada empat jenis, iaitu rujukan (*reference*),

penggantian (*substitution*), penghilangan (*ellipsis*) dan penghubung (*conjunction*). Jenis-jenis tersebut pula dibahagikan kepada subkategori masing-masing.

Beliau telah membahagikan unsur penghubung kepada penanda wacana penambah, penanda wacana berlawanan, penanda wacana musabab dan penanda wacana tempoh/masa. Begitu juga dengan Nik Safiah et.al (2012: 525-527) yang turut membahagikan penanda wacana yang berunsurkan penghubung kepada empat jenis yakni penghubung tambahan, penghubung tentangan, penghubung musabab, dan penghubung tempoh.

Di samping itu, tetenunan penghubung juga disebut 'penanda wacana' dan juga istilah-istilah lain. Perkara ini dinyatakan oleh Halliday & Matthiessen (2014: 609) bahawa:

"Cohesive conjunctions have been called 'discourse markers', but many other terms have been used as well. For example, 'discourse particle', 'connective'; and in computational linguistics or natural processing; 'clue word', 'cue phrase' and the term 'discourse marker' has also been used to include items other than cohesive conjunctions".

Selain itu, Fraser (1999) juga telah menyenaraikan beberapa istilah penanda wacana yang digunakan oleh pengkaji lain seperti *sentence connectives* (Halliday & Hasan 1976), *pragmatic markers* (Schiffrin 1987; Fraser 1998, 1990, 1993), dan *discourse connectives* (Blackmore, 1987, 1992). Istilah-istilah yang digunakan tertumpu terhadap bidang kajian tertentu. Yang & Xie (2014) juga menyatakan bahawa sarjana yang berbeza mempunyai pemahaman yang berbeza mengenai penanda wacana. Misalnya, Schiffrin (1987) yang mengkaji penanda wacana dalam bidang pragmatik. Menurut beliau,

"Discourse markers are linguistics, paralinguistics, or non-verbal elements that signal relations between units of talk by virtue of their syntactic and semantic properties and by virtue of their sequential relations as initial or terminal brackets demarcating discourse units".

(Schiffrin, 1987:40)

Beliau juga menjelaskan bahawa ekspresi seperti *and, because, but, I mean, now, oh, or, so, then, well, dan y'know* merupakan merupakan penanda wacana dalam perbualan temuduga yang tidak berstruktur.

Penelitian dan pengamatan terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penanda wacana dalam teks pelan pembangunan lebih tertumpu kepada genre esei murid (Alarcon & Morales 2011; Zamri & Abdull Shukor 2001; Normah & Che Mohd Arif 1997) , teks terjemahan (Muhammad Fauzi 2000), teks akademik (Mohammad Fadzeli et al 2015), teks klasik (Mohammad Fadzeli et al 2013), genre pengucapan radio (Abbas et al. 2012) dan genre politik (Hind 2012). Teks pelan pembangunan negara belum dianalisis secara komprehensif dan berpada dari segi unsur penanda wacana yang menjadi asas kepada ketekstulan teks tersebut. Teks ini penting kerana ia merupakan satu dokumen berharga kepada negara dan mengandungi banyak dasar pembangunan yang akan dilaksanakan sebagai pelonjak akhir mencapai status negara maju.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menjelaskan pemanfaatan penanda wacana dan memperlihatkan rasional penggunaannya yang dapat dikaitkan dengan sifat genre teks pelan pembangunan negara. Seterusnya kajian ini merumuskan bagaimana pihak pembuat dasar kerajaan mewacanakan dasar-dasar penting kerajaan untuk dikhabarkan kepada seluruh khalayak.

2. Kaedah Kajian

2.1 Data Kajian

Data kajian ini ialah teks ucapan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Data ini diperolehi daripada laman web rasmi Unit Perancang Ekonomi. Pelan pembangunan negara ini telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak selaku Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Pembentangan RMK-11 ini berlangsung di Dewan Rakyat, Parlimen pada 21 Mei 2015 pada jam 11.30 pagi. Daripada inti pati utama yang terkandung dalam RMK-11 menyaksikan ia selaras dengan tema iaitu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat. Teks ini mempunyai 187 perenggan dan setiap perenggan tersebut terdiri daripada satu hingga dua ayat sahaja. Teks ini secara keseluruhannya mempunyai 248 ayat dan terdiri daripada enam subbahagian utama yakni bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D, bahagian E, dan bahagian F.

2.2 Kerangka Kajian

Kerangka yang diterapkan dalam kajian ini ialah salah satu daripada Nahu Fungsian Sistemik, iaitu teori Nahu Fungsian (*Functional Grammar*) yang dikemukakan oleh Halliday & Matthiessen (2014). Berdasarkan teori ini, sistem penghubung dikategorikan mengikut tiga jenis utama pengembangan sesuatu klausa yakni perincian (*elaboration*), pelanjutan (*extension*), dan perluasan (*enhancement*).

Perincian bermaksud satu klausa cuba memperinci satu klausa lain dengan cara menyatakannya dengan cara lain, mengkhususkannya dengan lebih terperinci, memberikan komen, atau menggambarkannya dengan contoh (*one clause expands another by elaborating on it (or some portion of it): restating in other words, specifying in greater detail, commenting or exemplifying*). Pelanjutan pula bermaksud satu klausa berkembang dengan cara menambah elemen baru, memberi pengecualian atau menawarkan alternatif lain (*one clause expands by extending beyond it: adding some new element, giving an exception to it, or offering an alternative*). Manakala perluasan bermakna satu klausa mengembangkan klausa lain dengan cara 'menghias' klausa tersebut. Yakni dengan menerangkan klausa berserta beberapa perkara seperti masa, tempat, musabab atau syarat (*one clause expands another by embellishing around it: qualifying it with some circumstantial feature of time, place, cause or condition*) (Halliday, 1985: 203-211; Halliday & Matthiessen 2014: 461-471).

Setiap tiga jenis utama pengembangan klausa tersebut terdapat subjenis penghubung dan fungsinya. Bagi jenis perincian, terdapat dua subjenis penghubung yakni aposisi (*apposition*) dan penjelasan (*clarification*). Bagi subjenis aposisi ini, beberapa elemen dikemukakan atau dinyatakan sama ada dengan cara penerangan (*exposition*) atau dengan cara percontohan (*exemplification*) (Halliday & Matthiessen 2014: 615). Manakala bagi penghubung penjelasan, elemen penjelasan tidak dikemukakan kembali tetapi ditekankan semula, dirumuskan, menjadikannya lebih tepat atau dengan cara lain menjelaskan tujuan wacana. (Halliday & Matthiessen 2014: 616). Jenis pelanjutan (*extension*) pula terdiri daripada dua subjenis penghubung yakni penambahan (*addition*), dan variasi (*variation*). Seterusnya, jenis perluasan (*enhancement*) terbahagi kepada empat subjenis penghubung yakni ruang-masa (*spatio-temporal*), perkara (*matter*), cara (*manner*), dan musabab-bersyarat (*causal-conditional*).

Di samping itu, pendekatan Asmah (1982) dalam buku beliau yakni *Nahu Melayu Mutakhir* digunakan bagi membantu menjelaskan huraian penanda wacana yang berunsurkan

adverba. Hal ini kerana penanda wacana dalam teks pelan pembangunan negara tidak terbatas kepada unsur penghubung malah turut dimanifestasikan oleh adverba.

2.3 Pencerakinan

Sebelum rumusan mengenai rasional penggunaan penanda wacana dalam teks pelan pembangunan negara dilakukan, setiap perenggan teks dicerakinkan dan juga ayat dikodkan setiap ayat kepada simbol nombor rujukan. Misalnya, **A1.1** yang mewakili bahagian A, perenggan 1, dan ayat 1. Manakala, unsur penanda wacana yang berkaitan dihitamkan dalam ayat dan kehadirannya dikesan pada awal ayat. Dalam kajian ini juga, PROSES dalam ayat dihurufbesarkan bagi memudahkan analisis. Menurut Idris (2013), PROSES ialah unsur penting klausa dalam mempersembahkan pengalaman penutur. Oleh itu, proses dihurufbesarkan bagi mewakili klausa utama dalam ayat.

3. Dapatan Kajian

Dapatan kajian mendapati bahawa penanda wacana dalam teks pelan pembangunan negara hadir secara tunggal dan bergugusan. Penanda wacana tunggal merujuk kepada ayat dalam teks pelan pembangunan negara yang memanfaatkan hanya satu penanda wacana sahaja. Setiap penanda wacana tersebut hadir secara bersendirian di awal ayat dan kemudian diikuti oleh klausa utama atau inti ayat. Sebaliknya, penanda wacana bergugusan terhasil daripada gabungan beberapa unsur penanda wacana seperti penghubung dan adverba dalam ayat.

Penanda wacana tunggal dan bergugusan terdiri daripada tujuh subjenis penghubung yakni aposisi (*apposition*), penjelasan (*clarification*), penambahan (*addition*), ruang-masa (*spatio-temporal*), cara (*manner*), musabab-bersyarat (*causal-conditional*), dan perkara (*matter*). Selain itu, penanda wacana tunggal dan bergugusan juga terhasil melalui unsur adverba yang terdiri daripada adverba waktu, adverba permulaan waktu, adverba perhinggaan waktu, adverba tujuan, adverba rujukan, adverba manfaat, adverba syarat, adverba tolak ansur, adverba ulasan, dan adverba pemastian. Dapatan menunjukkan sejumlah 143 ayat dalam teks kajian memanfaatkan penanda wacana tunggal dan sebanyak 52 ayat lagi memanfaatkan penanda wacana bergugusan daripada keseluruhan 248 ayat. Manakala, sebanyak 53 ayat lagi menunjukkan tiada kehadiran penanda wacana.

Penanda wacana yang hadir secara tunggal mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 57.66 peratus, manakala penanda wacana yang hadir secara bergugusan mencatatkan peratusan sebanyak 20.97 peratus daripada keseluruhan ayat dalam teks Rancangan Malaysia Kesebelas. Jadual 1 menunjukkan peratusan penanda wacana tunggal dan penanda wacana bergugusan yang dimanfaatkan dalam teks pelan pembangunan negara berdasarkan bahagian teks RMK-11 yang terdiri daripada bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D, bahagian E dan bahagian F.

JADUAL 1 : Analisis Corak Kehadiran Penanda Wacana


Penanda Wacana	Bhg. A (A1-A17)	Bhg. B (B18-B28)	Bhg. C (C29-C33)	Bhg. D (C34-C37)	Bhg. E (E38-E166)	Bhg. F (F167-F187)	Jum. (%)
Tunggal	11	9	4	4	97	18	143 (57.66)
Gugusan	6	6	0	2	33	5	52 (20.97)
Tiada	3	1	2	0	46	1	53 (21.37)
Jumlah Ayat							248 (100.00)

Penanda Wacana Tunggal

Penanda wacana tunggal dalam teks pelan pembangunan negara dimanifestasikan oleh unsur nahuan yakni penghubung, dan adverba. Kedua-dua unsur nahuan tersebut menjadi asas kepada penanda wacana dalam teks Rancangan Malaysia Kesebelas. Pengkaji bersependapat dengan Fraser (1999) yang menjelaskan bahawa "*Discourse markers as class of lexical expressions drawn primarily from the syntactic classes of conjunctions, adverbs and prepositional phrases*. Selain itu, Fatemeh (2013) mendakwa penanda wacana asasnya terhasil daripada kategori leksikal seperti kata kerja, konstruksi lisan, frasa preposisi, dan adverba atau keterangan.

Renkema (2004: 169) pula menyatakan bahawa penanda wacana biasanya dibezakan daripada penghubung kerana penghubung mempertalikan semua bentuk semantik dan pragmatik kepada perenggan, klausa dan subklausa, manakala penanda wacana hanya menandakan gaya penutur atau penulis, terutamanya apabila menukar topik lain. Begitu juga dengan Idris (2014: 60) yang mentakrifkan penghubung sebagai proses mempertalikan ayat, klausa, frasa, atau kata dengan unsur sebelumnya. Namun, menurut beliau terdapat beberapa jenis penghubung yang membantu membina wacana yang berpautan dan berkesatuan. Pengkaji berpendapat jenis penghubung yang dimaksudkan ialah penanda wacana yang menjadikan sesuatu wacana itu berketenunan dan berkesatuan.

Oleh yang demikian, unsur penanda wacana dibahagikan kepada dua yakni penghubung dan adverba. Bagi unsur penghubung, terdapat tujuh subjenis penghubung yang diterapkan melalui kerangka nahu fungsian yakni penghubung aposisi, penjelasan, penambahan, ruang-masa, cara, musabab-bersyarat, dan perkara. Selain itu, setiap subjenis penghubung tersebut mempunyai fungsinya masing-masing. Manakala bagi unsur adverba, subjenis adverba yang dikemukakan oleh Asmah (1982) digunakan bagi menjelaskan huraian adverba yang terdapat dalam teks kajian. Hasil kajian mendapati terdapat sepuluh subjenis adverba yang ditemui yakni adverba waktu, perhinggaaan waktu, permulaan waktu, tujuan, rujukan, ulasan, syarat, tolak ansur, dan pemastian. Rajah 1 menunjukkan pembahagian kedua-dua unsur penanda wacana tersebut.



RAJAH 1 : Pembahagian Unsur Penanda Wacana

Seterusnya, peratusan penanda wacana tunggal yang terdiri daripada unsur penghubung, dan adverba ditunjukkan seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2 : Penanda Wacana Tunggal

Unsur PW	Subjenis	Fungsi	A	B	C	D	E	F	Jum. (%)
Penghubung	Aposisi	Penerang	2				1		3 (2.10)
		Percontohan					3		3 (2.10)
	Penjelasan	Pengkhusus						1	1 (0.70)
		Perumus			1		1	1	3 (2.10)
		Pengesah					2	4	6 (4.20)
	Penambahan	Positif		1			23		24 (16.78)*
		Lawanan		1			1	1	3 (2.10)
	Ruang-Masa	Turutan	1	5			3		9 (6.29)
		Serentak	1				3		4 (2.80)
	Cara	Perbandingan	1				1	1	3 (2.10)
	Musabab-Bersyarat	Umum					7	3	10 (6.99)
		Konsesif				1	1		2 (1.40)
	Perkara	Positif	1	1			3		5 (3.50)
Adverba	Waktu		3		1	2	5	10 (6.99)	

	Permulaan Waktu				1				1 (0.70)
	Perhinggaan Waktu		2				1		3 (2.10)
	Tujuan						17		17 (11.89)*
	Rujukan					1	7	2	10 (6.99)
	Manfaat			1	1		12		14 (9.79)*
	Syarat						3	2	5 (3.50)
	Tolak Ansur							2	2 (1.40)
	Ulasan					1	3		4 (2.80)
	Pemastian							1	1 (0.70)
Jumlah			11	9	4	4	97	18	143 (100.00)

Petunjuk:

- A: Bahagian Imbasan Dasar-dasar Penting Negara
- B: Bahagian Imbasan 10 Pencapaian RMK-1 Hingga RMK-10
- C: Bahagian Kriteria Dasar Transformasi Nasional
- E: Bahagian Dasar-dasar Pelaksanaan RMK-11
- F: Bahagian Rumusan Hala Tuju Negara Pasca 2020

Simbol * menunjukkan penanda wacana yang utama

Penanda Wacana Penambahan

Berdasarkan analisis, penanda wacana penambahan paling banyak ditemui dalam teks yakni sebanyak 16.78 peratus atau 24 kali untuk fungsi positif dan 2.10 peratus (3 kali) untuk fungsi lawanan. Penghubung penambahan fungsi positif merujuk kepada peranannya yang menambah elemen-elemen lain untuk melanjutkan atau meluaskan ayat sebelumnya. Berikut merupakan contoh ayat bagi penanda wacana yang berunsurkan penghubung penambahan yang mempunyai fungsi positif.

- (1) **E81.1.** Sasaran ini akan DICAPAI antaranya, menerusi pembinaan 6 hospital baru di Kemaman, Bentong, Baling, Pendang, Pasir Gudang dan Maran. **E81.2) Manakala,** 2 buah hospital di Sabah iaitu Hospital Tawau dan Hospital Kota Marudu serta Hospital Miri di Sarawak akan DINAIKTARAF.

Data di atas memperlihatkan penanda wacana ‘manakala’ digunakan untuk menambah maklumat lain pada ayat selepasnya iaitu mengenai penaiktarafan dua buah hospital di Sabah dan sebuah hospital di Sarawak. Antara penanda wacana penambahan lain yang didapati dalam teks pelan pembangunan negara ialah ‘*selain daripada itu*’, ‘*bahkan*’, ‘*sehubungan itu juga*’, ‘*selain itu*’, ‘*seperkara yang mustahak lagi*’, dan ‘*di sudut ini juga*’. Penanda wacana penambahan ini banyak dimanfaatkan pada bahagian E teks kajian yang memuatkan intipati-intipati penting tentang dasardasar pelaksanaan RMK-11.

Manakala, penghubung penambahan yang menunjukkan fungsi lawanan merujuk kepada peranan penghubung tersebut yang menambahkan elemen-elemen lain tetapi bertentangan dengan elemen pada klausa utama ayat sebelumnya. Berikut merupakan contoh bagi penghubung penambahan yang berfungsi lawanan.

- (2) **B20.1** Kedua, dari sudut struktur ekonomi, kita telah BERALIH daripada sebuah negara dominan sektor pertanian, dengan sumbangan 31.8 peratus kepada KDNK pada tahun 1970, kepada sebuah negara berasaskan pembuatan dan perkhidmatan, dengan sumbangan pada kadar 76.5 peratus kepada KDNK. **B20.2) Walhal**, sektor pertanian telah MENGUNCUP kepada paras 9.2 peratus pada tahun lepas.

Dalam contoh di atas, penggunaan penanda wacana ‘walhal’ menunjukkan bahawa pewacana menambahkan maklumat lain pada klausa utama ayat selepasnya yang bertentangan dengan maklumat pada ayat yang terdahulu. Klausa utama ayat terdahulu membincangkan mengenai Malaysia sebagai sebuah negara yang dominan sektor pertanian. Pada klausa utama ayat kedua pula dinyatakan maklumat yang bertentangan dengan ayat sebelumnya yakni mengenai penguncupan sektor pertanian.

Penanda Wacana Adverba Tujuan

Kajian yang dilakukan mendapati bahawa adverba tujuan menunjukkan kekerapan kedua tertinggi penggunaannya sebagai unsur penanda wacana iaitu sejumlah 11.89 peratus atau 17 kali. Selain itu, adverba tujuan ini banyak dimanfaatkan pada bahagian E teks kajian. Pemanfaatan adverba tujuan dalam teks pelan pembangunan negara membayangkan kepada siapa, sektor apa, atau tujuan apa sesuatu pelaksanaan itu dilakukan. Di bawah merupakan contoh adverba tujuan yang ditemui dalam teks Rancangan Malaysia Kesebelas.

- (3) **E45.1 Bagi menangani kos sara hidup isi rumah B40 ini**, inisiatif-inisiatif seperti Klinik 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia dan Kedai Agrobazaar Rakyat 1Malaysia akan terus DILAKSANAKAN.

Berdasarkan data di atas, klausa adverba ‘bagi menangani kos sara hidup isi rumah B40 ini’ merujuk kepada tujuan yang akan dilaksanakan kepada golongan B40 dan didukung oleh perkataan ‘bagi’. Menurut Asmah (1982: 301), adverba tujuan menyatakan tujuan sesuatu perbuatan itu dilakukan. Dengan itu adverba ini menjawab pertanyaan untuk apa atau buat apa. Antara contoh lain bagi adverba tujuan yang menjadi unsur penanda wacana dalam teks ialah ‘dalam hal memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera’, ‘dalam usaha meningkatkan tahap inovasi negara lagi’, ‘ke arah ini, seperti mana dalam Bajet 2015 yang lalu’ dan ‘selaras dengan konsep inklusiviti, bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia tanpa mengira gender, etnik, status sosio-ekonomi dan kedudukan geografi’.

Penanda Wacana Adverba Manfaat

Pemanfaatan adverba manfaat dalam teks pelan pembangunan negara mencatatkan kekerapan kedua tertinggi iaitu sebanyak 9.79 peratus atau 14 kali. Unsur adverba manfaat juga banyak digunakan pada bahagian E teks kajian. Adverba manfaat digunakan dalam teks kajian ini bagi menyatakan kepada siapa, institusi, rangkaian atau sektor apa manfaat ditujukan. Berikut merupakan contoh adverba manfaat yang menjadi unsur penanda wacana.

- (4) **E64.1 Untuk Orang Asli dan Bumiputera di Sabah serta Sarawak**, tumpuan akan DIBERIKAN kepada pemberian hak milik tanah adat atau NCR bagi menggalakkan pembangunan tanah dengan teknologi moden melalui agensi kerajaan berkaitan

Berdasarkan contoh data (4) di atas, klausa adverba ‘untuk orang Asli dan Bumiputera di Sabah serta Sarawak’ jelas menunjukkan tumpuan manfaat diberikan adalah kepada orang asli dan bumiputera di Sabah dan dikenal pasti melalui kata sendi nama ‘untuk’. Asmah (1982: 297) menjelaskan bahawa adverba manfaat menjawab pertanyaan untuk siapa sesuatu perbuatan itu dilakukan. Secara terbatas adverba ini menjawab pertanyaan untuk siapa. Selain

didukung oleh perkataan ‘untuk’, adverbial manfaat yang dimanfaatkan dalam teks pelan pembangunan negara didukung oleh kata sendi nama ‘bagi’. Antaranya ialah ‘bagi masyarakat India pula’, ‘bagi yang berminat untuk berniaga pula’, ‘untuk pendidikan rendah dan menengah juga’, ‘bagi pembangunan rangkaian jalan raya’ dan ‘bagi sektor pembuatan pula’.

Penanda Wacana Bergugusan

Menerusi analisis teks Rancangan Malaysia Kesebelas, terdapat juga penanda wacana yang hadir secara bergugusan di mana penanda wacana terhasil daripada gabungan beberapa unsur seperti unsur penghubung, dan adverbial dalam satu ayat. Penanda wacana yang bergugusan ditemui sejumlah 20.97 peratus atau 52 kali dan banyak dimanfaatkan pada bahagian E teks kajian (bahagian di mana dasar-dasar pelaksanaan RMK-11 diutarakan) iaitu bahagian utama teks pelan pembangunan negara. Berikut merupakan contoh penanda wacana yang hadir secara bergugusan.

- (4) **E103.1** Dalam Rancangan ini, Kerajaan juga MENSASARKAN agihan pampasan pekerja kepada KDNK meningkat kepada 40 peratus, berbanding dengan 34 peratus pada tahun 2013. **E103.2 Maksudnya, jika sesebuah syarikat menjana 10 ribu ringgit**, agihan yang diberikan kepada pekerja ADALAH secara puratanya 4 ribu ringgit.

Contoh data di atas menunjukkan penanda wacana bergugusan yang terhasil melalui dua unsur yakni unsur penghubung aposisi dan unsur adverbial syarat. Penanda wacana ‘maksudnya’ merujuk kepada penerangan terhadap elemen-elemen atau maklumat yang dinyatakan pada klausa utama ayat sebelumnya. Dengan penggunaan penanda wacana ‘maksudnya’, ia dapat memberikan kefahaman yang jitu terhadap sesuatu perkara yang dinyatakan pada ayat sebelumnya yang menjelaskan mengenai sasaran bagi peningkatan agihan pampasan pekerja kepada KDNK. Manakala penanda wacana ‘jika sesebuah syarikat menjana 10 ribu ringgit’ pula berunsurkan adverbial syarat dan dikenal pasti melalui kata penghubung ‘jika’. Oleh itu, gabungan kedua-dua unsur penghubung aposisi dan adverbial syarat tersebut dapat memantapkan lagi keterangan maklumat yang disampaikan pada klausa utama ayat. Di bawah pula merupakan penanda wacana bergugusan yang terdiri daripada tiga unsur penanda wacana.

- (5) **A9.1 Manakala, kira-kira 3 minggu yang lepas, di Angkasapuri**, saya telah MENYAMPAIKAN Laporan Tahunan, merangkumi Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi.

Data di atas jelas menunjukkan penggunaan penanda wacana bergugusan yang terdiri daripada satu unsur penghubung dan dua unsur adverbial. Unsur penghubung dapat diperlihatkan melalui penggunaan penanda wacana ‘manakala’ yang merupakan penghubung penambahan. Unsur adverbial pula dapat dilihat melalui penggunaan penanda wacana ‘kira-kira 3 minggu lepas’ yang merupakan adverbial waktu. Manakala, unsur adverbial kedua dapat dilihat melalui penggunaan penanda wacana ‘di Angkasapuri’ yang menerangkan tempat berlakunya sesuatu peristiwa. Secara amnya, pemanfaatan penanda wacana yang bergugusan dalam data (5) adalah untuk menambah, memberi keterangan waktu, dan menyatakan nama tempat sesuatu peristiwa berlaku.

Rasional Penggunaan Penanda Wacana Dalam Teks

Hasil analisis yang dilakukan ke atas setiap bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D, bahagian E dan bahagian F teks pelan pembangunan negara memperlihatkan bahawa

pemanfaatan penanda wacana pada bahagian-bahagian tersebut mempunyai signifikan dan kerevelanan penggunaannya. Pada bahagian A iaitu bahagian Imbasan Dasar-dasar Penting Negara, penanda wacana yang berunsurkan adverba waktu dan adverba perhinggaaan waktu kerap digunakan kerana pada bahagian ini kerana dasar-dasar penting negara seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan, dan Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin sebelumnya diimbis kembali.

Pada bahagian B teks kajian pula menunjukkan bahawa pemanfaatan penanda wacana turutan seperti 'pertama', 'kedua', 'ketiga' berperanan untuk melancarkan pengaliran maklumat dan aturan wacana mengenai sepuluh imbasan pencapaian sepanjang Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh. Antara pencapaian yang dibincangkan adalah mengenai nilai KDNK, struktur ekonomi, peningkatan pendapatan isi rumah rakyat, kemudahan akses bekalan air, peningkatan kadar literasi masyarakat, peningkatan pendidikan tertiar, penurunan kadar pengangguran, peningkatan hak milik ekuiti Bumiputera, dan pengurangan kadar kemiskinan. Manakala pada bahagian C dan D tidak menunjukkan mana-mana penanda wacana yang dominan digunakan kerana pada kedua bahagian ini pewartana hanya membincangkan mengenai kriteria Dasar Transformasi Nasional dan gambaran Rancangan Malaysia Kesebelas.

Pada bahagian E iaitu bahagian utama teks kajian yang memuatkan dasar-dasar pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas, penanda wacana penambahan mendominasi kekerapan penggunaannya pada bahagian ini. Ini jelas menunjukkan bahawa genre teks pelan pembangunan negara memanfaatkan penanda wacana penambahan sebagai wasilah untuk menambah maklumat-maklumat atau gagasan penting kepada seluruh rakyat Malaysia. Melalui pengutaraan maklumat, cadangan, gagasan, fakta, dan usulan yang terkandung dalam teks pelan pembangunan negara membuktikan bahawa teks pelan pembangunan ini memiliki ciri bermaklumat (*informativenss*) dan berketujuan (*intentionality*). Renkema (2004) menyatakan ciri bermaklumat perlu bagi setiap wacana. Setiap wacana mesti mempunyai maklumat baru dan jika pembaca sudah mengetahui semua maklumat yang terkandung dalam wacana, maka ciri tersebut tidak layak bagi sesuatu wacana itu.

Seterusnya, penanda wacana adverba tujuan mencatatkan kekerapan penggunaan yang tertinggi berbanding adverba lain. Kesemua unsur adverba tujuan tersebut kerap ditemui pada bahagian E teks kajian. Hal ini menunjukkan bahawa teks pelan pembangunan negara mengandungi banyak sasaran atau kehendak yang ingin dicapai dalam masa beberapa tahun sebelum mencapai Wawasan 2020. Tujuan tersebut merangkumi aspek pembangunan dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, dan sebagainya.

Selain itu, penanda wacana adverba manfaat mencatatkan kekerapan ketiga terbanyak pada bahagian E teks kajian. Ini jelas membayangkan bahawa dasar-dasar pelaksanaan negara ini akan memberikan manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia di mana ia selaras dengan tema Rancangan Malaysia Kesebelas yakni Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat. Tambahan lagi, hal ini menunjukkan bahawa pelan pembangunan negara ini adalah rancangan di mana kerajaan akan memastikan semua lapisan masyarakat dapat menikmati kemajuan negara.

Pada bahagian F teks iaitu bahagian Rumusan Hala Tuju Negara Pasca 2020, pewartana banyak menggunakan penanda wacana berbentuk penjelasan yang menunjukkan fungsi pengesah seperti 'ini membuktikan', 'ternyata benarlah kata-kata para alim dan pujangga', 'sesungguhnya', dan 'sememangnya jua'. Penggunaan penanda wacana ini berperanan untuk mengesahkan sesuatu perkara yang diutarakan dan penggunaannya dapat meyakinkan khalayak agar bergerak bersama-sama menerajui dan memperjuangkan usaha murni kerajaan dalam menjelmakan sebuah negara bangsa yang maju dan berjaya.

Menerusi pengkajian terhadap teks pelan pembangunan negara juga mendapati bahawa melalui penggunaan unsur penghubung seperti aposisi yang berfungsi untuk merincikan ayat melalui percontohan dan penerangan, penghubung musabab, penghubung penjelasan, dan penghubung cara yang berfungsi meluaskan ayat melalui perbandingan membuktikan bahawa teks pelan pembangunan negara ini memiliki ciri berkepadaan (*adequacy*). Hal ini kerana idea atau gagasan yang terkandung dalamnya dikembangkan secara memadai melalui kaedah penjelasan, sebab dan musabab, percontohan, perbandingan, dan perincian. Idris (2014:40) menjelaskan ciri kepadaan wacana adalah melalui kaedah penjelasan, sebab akibat, percontohan, huraian beza banding, penganalogian, pencirian, perincian, dan sebagainya. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa genre teks pelan pembangunan negara tidak memanfaatkan penanda wacana berlawanan kerana tiada unsur hujahan yang dikemukakan dalam teks ini.

Di samping itu, penggunaan penghubung dalam teks pelan pembangunan mewujudkan tetenunan atau pautan kerana penghubung sering dikaitkan dengan konsep perkaitan. Tetenunan terjadi apabila interpretasi sesuatu unsur dalam sebuah wacana memerlukan rujukan terhadap mana-mana unsur atau bahagian dalam wacana yang sama. Melalui rujukan inilah yang mengaitkan bahagian wacana yang hendak diinterpretasi dengan bahagian-bahagian wacana lain. Alarcon & Morales (2011) menyatakan penghubung merupakan elemen tetenunan yang mengekspresikan beberapa maksud dan mengandaikan kehadiran komponen-komponen lain dalam wacana.

Oleh yang demikian, kehadiran penanda wacana yang bervariasi, rencam dan terdiri daripada beberapa unsur dalam teks pelan pembangunan negara menjadikan teks tersebut bermaklumat, berketenunan, berkepadaan, dan berketujuan. Selain itu, pemanfaatan penanda wacana dalam teks kajian membolehkan intipati-intipati yang terkandung dalamnya dapat disampaikan dengan jelas serta lancar. Hal ini dapat dikaitkan dengan pernyataan Awang Sariyan (1991) bahawa penggunaan penanda wacana yang berupa kata atau frasa perangkai membolehkan ayat-ayat dalam perenggan disusun dengan baik sehingga urutan maklumat atau gagasan menjadi lancar dan tidak melompat-lompat.

4. Kesimpulan

Kajian ini memaparkan gelagat penggunaan penanda wacana yang rencam dan bervariasi dalam teks pelan pembangunan negara di mana penggunaannya tidak terbatas kepada unsur penghubung sahaja malah terhasil juga melalui unsur adverba. Pemanfaatan penghubung sebagai unsur penanda wacana mempunyai signifikan penggunaannya dalam mempertalikan ayat dan perenggan yang terdapat dalam teks pelan pembangunan negara. Manakala penanda wacana yang berunsurkan adverba pula dapat memperlihatkan dengan jelas isi utama yang terkandung dalam teks Rancangan Malaysia Kesebelas. Bagaimanapun, pemanfaatan kedua-dua unsur penanda wacana tersebut dapat menghasilkan sebuah teks atau wacana yang berketenunan, berketujuan, berkepadaan, dan bermaklumat.

Melalui pengkajian ini, penanda wacana berlawanan tidak dimanfaatkan dalam teks pelan pembangunan negara kerana teks ini hanya menerangkan, mengemukakan dan menjelaskan usul, gagasan, fakta dan matlamat penting negara dan tiada penghujahan yang berlaku. Hal ini bertepatan dengan genre teks pelan pembangunan negara yang bersifat ekspositori atau eksplanatori. Teks ini bukan sahaja menjelaskan 'apa', 'untuk apa', 'untuk siapa', 'bila', dan 'bagaimana' malah menerangkan secara terperinci sebab, akibat, faktor mengenai sesuatu perkara, peristiwa, proses yang akan dijalankan, dan juga keadaan yang dianggap berkepentingan kepada negara. Dengan mengemukakan penjelasan yang jitu dan

tuntas tersebut, khalayak dapat memahami gagasan-gagasan yang terkandung dalam teks pelan pembangunan negara.

Rujukan

- Abbas Ali Ahangar, Giti Taki & Maryam Rahimi. (2012). The Use of Conjunction as Cohesive in Iranian Sport Live Radio and TV Talks. *The Slovak Association for the Study of English (SKASE) Journal* 9 (2): 56- 72.
- Alarcon, J.B & Morales, K.N.S. (2011). Grammatical Cohesion in Student's Argumentative Essay. *Journal of English and Literature* 2 (5): 114 – 127.
- Asmah Haji Omar. (1982). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Melayu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Fatemeh Zarei. (2013). Discourse Markers in English. *International Research Journal of Applied and Basic Sciences* 4 (1): 107-117.
- Fraser, B. (1999). What are Discourse Markers? *Journal of Pragmatics* 31: 931-952.
- Halliday, M.A.K. (1985). *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Halliday, M.A.K. & Matthiessen, C.M.I.M. (2014). *Halliday's Introduction to Functional Grammar*. Fourth Edition. Oxford: Routledge.
- Halliday, M.A.K. & R. Hasan. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Hind M. Ismail. (2012). Discourse Markers in Political Speeches: Forms and Functions. *Journal of The College of Education For Women* 23 (4): 920 - 1290.
- Idris Aman. (2013). "Proses" Dalam Ayat Wacana: Representasi Pengalaman Dunia Penutur. *Jurnal Bahasa* 13(1): 1-20
- Idris Aman. (2014). *Analisis Wacana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2013). Penanda Wacana Dalam Teks Melayu Lama Berunsur Sejarah. *Jurnal Bahasa* 13 (2): 243-258.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2000). Penanda Wacana dalam Terjemahan Arab- Melayu: Satu Ketenenan Teks. *Jurnal Bahasa* 44 (5): 587 – 601.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2012). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normah Abdullah & Che Mohd. Arif Che Mohd Yusoff. (1997). Penggunaan Penanda Wacana Dalam Kemahiran Mengarang. *Jurnal Bahasa* 41 (11): 1032 – 1044.
- Renkema, J. (2004). *Introduction to Discourse Analysis*. Netherland: John Benjamins Publication.
- Schiffrin, D. (1987). *Discourse Markers*. Cambridge: University Press
- Yang, L & Xie, L. (2014). A Systemic Functional Analysis on Discourse Marker – "Honest Phrases". *International Journal of English Linguistics* 4 (6): 167-172.
- Yule, G. (1985). *The Study of Language*. Cambridge: University Press.
- Zamri Salleh & Abdull Shukor Shaari. (2009). Kesan Model Unsur Tautan Terhadap Pengajaran Karangan Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)* 6: 55-78.